

*Dr Shireen setia
tabur bakti di UiTM*

Selepas 18 tahun, Penolong Naib Canselor terus gigih martabatkan kualiti Universiti Teknologi Mara

Oleh Nor Afzan
Mohamad Yusof
afzan@bharian.com.my

PENOLONG Naib Canselor, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi Mara, Dr Shireen Haron, antara insan yang amat gembira apabila Institut Teknologi Mara (ITM) dinaiktaraf ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) lapan tahun lalu.

Walaupun tidak terbaik secara langsung sebagai tenaga kerja di universiti berkenaan kerana ketika itu melanjutkan pelajaran pada peringkat kedoktoran dalam bidang pendidikan, semangat cintakan UiTM yang tebal dalam dirinya menyebabkan beliau berasaskan bagaihan hadiah kepada kemenangan pusat pendidikan orang Melayu dan Bumiputera.

"Selepas habis Tingkatan Lima, permohonan saya melanjutkan pelajaran ke ITM diterima. Bermula dengan memperoleh Sijil Pengucapan Umum (Public Speaking) pada 1989, tanpa sedari kini saya sudah pun memiliki sejarah panjang selama 18 tahun dengan universiti ini.

"Lama tempoh itu kerana saya tahu universiti ini untuk orang Melayu dan Bumiputera dan berkhidmat serta berjuang untuk UiTM sebagai sebahagian daripada perjuangan saya memperjuangkan keperkasaan bangsa," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Senyumnya masih bersisa apabila mendapat perkhabaran universiti itu baru saja merangkul Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008 (AKPM 2008). Ia hadiah teristimewa bagi Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah dan seluruh warga UiTM sebelum 2008 melabuhkan tirainya.

Pengamalan kualiti menjadi budaya kerja warga UiTM sejak 1993 lagi. Sejak itu, UiTM secara konsisten melaksanakan pelbagai program dan aktiviti demi memantap proses pengurusan kerja. Malah, UiTM menjadi universiti pertama di Malaysia untuk memperoleh persijilan ISO bagi 22 fakulti dan korporat.

Sungguhpun begitu, ia

Bermula dengan memperoleh Sijil Pengucapan Umum pada 1989 di ITM, tanpa sedari kini saya sudah pun memiliki sejarah panjang selama 18 tahun dengan universiti ini"

Dr Shireen Haron

Penolong Naib Canselor,
Institut Kualiti dan
Pengembangan Ilmu

UiTM



tabur bakti di UiTM

tidak sekadar cantik di atas kertas, sebaliknya Dr Shireen berkata, ia memerlukan kerjasama daripada penggeraknya, iaitu semua tenaga kerja di universiti berkenaan termasuk pensyarah, staf bukan akademik dan 120,000 pelajarnya.

"Usaha ini bersifat berterusan. Sebagai contoh sekiranya kita ingin memastikan proses pendaftaran pelajar berjalan secara talian, yang lebih efektif, maka ia perlu bertambah baik daripada hari permu-laan dilancarkan hingga ke masa depan.

"Kualiti memastikan universiti bukan saja diyakini, sebaliknya apa juá yang diketengahkan mendapat yang terbaik, termasuk juga dari segi penyelidikan dan pembangunan diusahakannya," katanya yang menyatakan aduan daripada pelbagai pihak atas tujuan pembakaian dilihat sebagai bahan utama diambil kira.

Lama dalam tugas berkenaan, Dr Shireen mengakui melalui pengalaman pahit maung, tetapi walau pahit manapun masalah diharungi, disifatkan sebagai pengalaman manis yang tetap memberikan pengajaran baru dalam melayari kehidupannya.

Teliti dalam kerja

IBU kepada tiga anak itu, memiliki perwatakan lembut dan ceria, tetapi setiap arahan diberikan perlu dilaksanakan dengan cemerlang. Mungkin pendekatan manis serta bersopan itu menjadikan orang yang menerima arahan 'segan' lantas melakukan tugasannya terbaik buatnya.

Masih menggalas jawatan sebagai pensyarah kanan di fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi UiTM, sekali imbas mungkin dua jawatan dalam satu menjadikan tempoh 24 jam sehari itu bagaikan tidak mencukupi.

"Pembahagian tugas dan patuh kepada 'jadual' yang kita susun setiap hari, paling mustahak. Tidak pernah mempunyai pembantu kerana saya yakin boleh melakukan dengan terbaik, sungguhpun begitu sebagai ibu kita perlu berkorban untuk memastikan segala urusan rumah tangga licin sebelum berangkat ke pejabat.

"Mungkin juga



DR SHIREEN amat gembira apabila ITM dinaik taraf ke UiTM lapan tahun lalu.



DR SHIREEN ketika menerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2008 pada 27 November lalu.

kerana sikap sebegini, menjadikan saya berminat dalam kerja yang saya ceburi hari ini. Bagaimanapun, dalam memastikan kita mendapat hasil terbaik dalam kerja, kita perlu melakukannya dengan ikhlas dan tidak mengharapkan balasan semata-mata.

"Lagi satu kita tidak boleh bertangguh kerja, kerana kerja yang bertangguh itu hanya akan menambah bebanan kerja kita pada hari berikutnya. Bagi mengelakkan kerja bertimbun, saya selalu nya akan memastikan ia siap, tidak kiralah saya perlu bekerja pada hari cuti," katanya.

Wanita berjiwa penyayang itu masih tetap meluangkan masa dengan menyertai

badan bukan kerajaan sebagai Presiden Persatuan Pendidikan Jarak Jauh Malaysia (Made). Katanya, bergiat dalam badan bukan kerajaan (NGO) memastikan beliau mengetahui permasalahan dalam dunia pendidikan, selain mendatangkan kepuasan dalam dirinya.

"Pada masa sama saya sedang melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dan perundingan dalam bidang sains politik khususnya pengkajian tingkah laku manusia dan pembangunan komuniti. Saya mengkaji situasi politik negara, mengkaji strategi parti politik, menganalisa gelagat pengundi dan mengkaji isu yang diutarakan ketika pilihan raya.

"Pembangunan komuniti berkait dengan kualiti kehidupan manusia, buat masa kini penyelidikan saya berkait dengan masalah sosial seperti kemiskinan bandar dan luar bandar, penganiayaan kanak-kanak dan masalah pesakit HIV dan Aids," katanya.

Melakukan pelbagai tugas dalam satu, Dr Shireen berkata, keluarga yang amat memahami dan sentiasa memberikan dorongan dalam setiap perkara dilakukan menjadi renchah utamanya.

"Kepercayaan dan dorgan keluarga itu mudah diperoleh sekiranya kita mampu mengimbangkan tugas antara kerja dan pejabat dengan baik," katanya.

Shireen Haron

Jawatan: Penolong Naib Canselor, Institut Kualiti dan Pendidikan Lanjutan (InQKA)

Anak: 3 orang (Mohamad Sheferezza 16, Shefereena 14 dan Nur Faatihah 7)

Usia: 40-an

Asal: Muar, Johor

Pendidikan:

- Ijazah Kedoktoran dalam Pendidikan UPM (2004)
- Ijazah sarjana Pentadbiran Awam, Eastern Washington University, Amerika Syarikat (AS) pada 1988
- Ijazah Sarjana Urban and Regional Planning Eastern Washington University, AS (1988)
- Ijazah Sastera (Pub Admin/Government) Eastern Washington University, AS (1986)
- Diploma Pentadbiran Awam, ITM (1984)
- Post graduate Certificate in Education University of Leicester 1994

Anugerah:

- Young Lecturer Scheme (1985-1989) Award, UiTM-JPA
- International Student Award 1986 Award, Eastern Washington University
- Civil Service Excellence Award (1995)
- Civil Service Excellence Award (1997)
- Vice Chancellor Award (2004)
- Civil Service Excellence Award (2005)
- Civil Service Excellence Award (2008)